

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXIII)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR  
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

6. Mohon pencerahan pihak PBT Seberang Perai mengenai sijil untuk menduduki bagi status
  - (a) Perumahan kawasan Taman Sejahtera Indah.
  - (b) Flat Sejahtera Indah yang di bina oleh SPNB.
  - (c) Bangunan 2 tingkat di hadapan Balai Polis Teluk Air Tawar.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Penjelasan mengenai status pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki / Sijil Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance / CCC) bagi projek pembangunan yang disenaraikan di bawah:
  - (a) Perumahan Taman Sejahtera Indah
    - Sijil Kelayakan Menduduki bagi projek ini telah dikeluarkan oleh MBSP pada 12 Mei 2009 dan 26 Disember 2015.
  - (b) Flat Sejahtera Indah
    - Sijil Kelayakan Menduduki bagi projek ini telah dikeluarkan oleh MBSP pada 22 Julai 2011.

(c) Bangunan dua (2) tingkat di hadapan Balai Polis Teluk Air Tawar

- Bangunan ini mula dibina sebelum tahun 2007. Oleh yang demikian, bangunan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Sijil Layak Menduduki.
- Sijil Kelayakan Menduduki bagi projek ini belum lagi dikeluarkan oleh MBSP. Ini kerana kerja-kerja pembinaan di tapak belum siap sepenuhnya. MBSP akan mempertimbangkan Sijil Kelayakan Menduduki dan Borang E bagi projek ini setelah permohonan dikemukakan oleh pihak arkitek kepada MBSP.